

24/09/2000

Lim gesa henti persoal hak Melayu

ISU berhubung hak keistimewaan orang Melayu seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan perlu dihentikan serta merta dan tidak wajar ditimbulkan dalam perbincangan terbuka.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata keharmonian rakyat berbilang kaum di negara ini selama 43 tahun selepas mencapai kemerdekaan adalah berdasarkan kepada kontrak sosial yang dipersetujui ketika kemerdekaan.

Menurutnya, tidak timbul persoalan mengenai penyemakan kontrak ini kerana ia sudah bertahan banyak dekad dan membantu memupuk perpaduan nasional.

Beliau berkata, begitu juga Gerakan akan membantah sebarang tindakan mempersoalkan hak kaum bukan Melayu seperti yang termaktub dalam perlembagaan.

"Oleh itu, Gerakan meminta semua pihak bersikap wajar dan sensitif serta tidak menggunakan pendekatan menonjolkan keperwiraan dalam komuniti sendiri sebagai modal politik," katanya.

Persidangan itu, dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN).

"Inilah yang menjadi hasrat Wawasan 2020 untuk membina bangsa Malaysia pada masa depan kita," katanya.

Menurutnya, kesinambungan sesebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia memerlukan kematangan dan tanggungjawab semua pihak. Keperluan pemahaman kaum dan perpaduan nasional hendaklah dipupuk setiap masa.

"BN sudah melaksanakan tanggungjawab ini bertahun-tahun lamanya dan kita meminta semua pihak terutamanya parti pembangkang untuk menyertai kami dalam menjalankan tugas menyatupadukan rakyat pelbagai kaum di negara ini," katanya.

Beliau berkata, untuk membina sesebuah negara amat sukar tetapi untuk membinasakannya sangat mudah, oleh itu kita memerlukan semua pihak memenuhi pra syarat ini dalam pembinaan negara.

Katanya, parti Gerakan berasa sudah tiba masanya semua pihak mengetepikan perbezaan sosial dan politik, sebaliknya menumpukan sepenuh tenaga dalam menyatupadukan negara untuk menangani cabaran pada alaf baru.

(END)